

Perasmian Tugu Peringatan di Pekan Bangar, Temburong

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Muda 'Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien telah merasmikan Tugu Peringatan yang terletak di Pekan Bangar, Temburong pada Januari 1964. Tugu Peringatan ini didirikan bagi memperingati pegawai-pegawai Kerajaan yang telah terkorban di Daerah Temburong semasa berlaku pemberontakan Disember 1962. Tugu Peringatan tersebut dibina oleh Kerajaan Brunei dengan perbelanjaan sebanyak \$5,000.

Upacara perasmiannya berlangsung pada 5 Januari 1964 bersamaan 19 Syaaban 1381 dan telah dihadiri oleh Yang Teramat Mulia Duli-Duli Wazir iaitu Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohammad Daud, Timbalan Menteri Besar Brunei; Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Kamarulzaman, Setiausaha Kerajaan Brunei; Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Timbalan Setiausaha Kerajaan; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Diraja, Kerajaan dan Negeri Brunei; Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung.

